


**Berita Harian**  
**23 Mei 2020**

# Pengesanan awal diabetes

74.3 peratus daripada 12,949 rakyat Malaysia sertai Program Saringan Brighter Health punyai bacaan glukosa darah lebih tinggi daripada biasa



Gaya hidup individu tanpa menghiraukan terhadap piramid makanan yang lazimnya tinggi kandungan gula boleh memberikan implikasi buruk terhadap kesihatan seperti berisiko mendapat diabetes.

Tahap gula darah merujuk pada jumlah glukosa dalam darah, lantas ia perlui diberi perhatian bagi mengelak menyakit terbitan.

Justeru, penyedia insurans hayat dan Takaful Keluarga, Sun Life Malaysia Assurance Berhad dan Sun Life Malaysia Takaful Berhad (Sun Life Malaysia), mengadakan Program Saringan Brighter Health membatikan 13,000 rakyat di Malaysia untuk meningkatkan kesedaran terhadap pengesanan awal diabetes.

Melalui Program Saringan Brighter Health itu, menunjukkan 74.3 peratus daripada 12,949 rakyat Malaysia yang disarang mempunyai bacaan glukosa darah lebih tinggi daripada biasa.

Program ini juga turut menunjukkan trend penyakit

kencing manis yang semakin meningkat bukan sahaja dalam kalangan warga tua tetapi juga di antara populasi muda.

Secara khususnya, lebih 80 peratus daripadanya yang berumur 50 tahun ke atas dan 60 peratus yang berumur antara 18 hingga 30 tahun menunjukkan bacaan glukosa darah yang lebih tinggi dari biasa.

#### Bantu rakyat hidup sihat

Mengulas mengenai pemenuhan itu, Ketua Pegawai Eksekutif dan Presiden/Ketua Negara bagi Sun Life Malaysia, Raymond Lew, berkata matlamat program ini untuk mengenal pasti lebih banyak kes diabetes yang tidak didiagnos dan meningkatkan kesedaran mengenai pencegahannya.

Katanya, ia seajar dengan matlamat mereka untuk membantu lebih ramai rakyat Malaysia menjalani kehidupan yang lebih sihat.

Ujian glukosa darah secara percuma dijalani melalui 127 cawangan farmasi komuniti

dan juga acara Brighter Lives Roadshows yang membolehkan syarikat itu menjangkau lebih ramai orang daripada pelbagai lapisan masyarakat.

"Melalui program ini, kami melakukan program itu ke atas 12,949 individu di seluruh negara, iaitu jauh melebihi sasaran awal kami iaitu 10,000 orang.

"Negara kita sedang mengalami pandemik global dan pada masa ini, jelas menunjukkan bahawa tahap kesedaran yang tinggi serta pengambilan langkah pencegahan segera penting untuk memerangi pelbagai isu kesihatan," katanya.

#### Bacaan glukos tinggi

Beliau berkata, penemuan program itu sangat membimbangkan kerana bacaan glukosa lebih tinggi daripada biasa meningkat bagi setiap kumpulan umur, seiring dengan penambahan usia.

Justeru, kesedaran dan pencegahan diabetes dari tahap awal amat penting.

Beliau berkata, mereka

ingin mengetahui kepentingan untuk lebih proaktif dalam memerangi penyakit bahaya ini dalam kalangan masyarakat, sektor awam dan syarikat korporat.

Program saringan ini dijalankan selama enam bulan, iaitu pada September hingga Disember 2019 lalu dengan kerjasama bersama penyedia kesihatan serta farmasi komuniti lain.

Malah, program itu juga dilakukan melalui pelbagai kempen dan platform digital Sun Life Malaysia, selain sokongan daripada Duta Sun Life Malaysia dan bintang filem terkenal, Hairul Azreen.

#### Ramai tak sedar ada diabetes

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif untuk Walnut Wellness, Khor Xin Yun, berkata pihaknya komited untuk meningkatkan kesihatan rakyat Malaysia secara menyeluruh terutamanya penyakit diabetes.

Katanya, satu nisbah dua orang daripada 463 juta orang dewasa yang menghidap diabetes di seluruh dunia tidak menyedari mereka ada diabetes.

"Oleh itu, kempen seperti Program Saringan Brighter Health sangat penting untuk melindungi kesejahteraan kehidupan rakyat negara ini dalam jangka masa panjang. "Kami gembira melihat lebih ramai rakyat Malaysia menitikberatkan kesihatan mereka serta melihat sambutan yang menggalakkan untuk program ini," katanya.

Penemuan lanjut daripada Program Saringan Brighter Health serta tip dan cadangan untuk mengurangkan peningkatan penyakit diabetes serta maklumat info grafik disediakan.

## Info

### Cara menguruskan diabetes

- Wujudkan kawasan riadah di kawasan bandar.
- Mewujudkan kelab atau menganjurkan acara kecerdasan yang berorientasikan keluarga.
- Tukar dari beras biasa ke beras perang atau bijirin penuh.
- Hadkan pengambilan garam (makanan segera dan makanan yang diproses).
- Tingkatkan kegiatan senaman bersama keluarga.
- Amalkan diet yang lebih sihat (berasaskan tumbuhan).
- Tingkatkan kekerapan pemeriksaan glukosa darah.



**Negara kita sedang mengalami pandemik global dan pada masa ini, jelas menunjukkan bahawa tahap kesedaran yang tinggi serta pengambilan langkah pencegahan segera penting untuk memerangi pelbagai isu kesihatan”**

**Raymond Lew,  
Ketua Pegawai Eksekutif  
dan Presiden/Ketua Negara  
Sun Life Malaysia**



**Seorang peserta membuat ujian glukosa darah percuma di cawangan farmasi ketika Program Saringan Brighter Health.**

## Info

### Hasil dapatan Program Saringan Brighter Health

1	2	3	4
74.3% mempunyai bacaan glukosa darah lebih tinggi daripada biasa (77.8% lelaki dan 72.15 perempuan)	Lebih daripada 80% yang berumur 50 tahun ke atas mempunyai bacaan yang lebih tinggi daripada biasa	60% daripada mereka yang berumur antara 18 hingga 30 tahun mempunyai bacaan yang lebih tinggi daripada biasa	Lebih daripada 70% antara semua etnik mempunyai bacaan lebih tinggi daripada biasa